

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa banyak syarikat telah ditutup dan pekerja yang diberhentikan sejak awal pandemik dan apakah pelan pemulihan ekonomi untuk menangani perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan statistik Sistem Insurans Pekerjaan PERKESO, jumlah syarikat yang telah menghentikan operasi bagi tempoh Mac 2020 hingga 24 September 2021 adalah sebanyak 4,948 syarikat. Manakala jumlah pekerja yang kehilangan pekerjaan bagi tempoh yang sama adalah seramai 146,338 orang. Daripada jumlah ini seramai 24,831 orang (17%) mengalami kehilangan pekerjaan disebabkan oleh syarikat yang menghentikan operasi.

Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) telah dilantik sebagai Pengerusi Bersama bagi Pasukan Petugas Khas Sumber Manusia dan Keusahawanan.

SOALAN NO: 57

Pasukan Petugas Khas ini memainkan peranan yang amat penting dalam menyokong peranan Majlis Pekerjaan Negara melalui beberapa objektif utama iaitu:

- i. meningkatkan penciptaan pekerjaan;
- ii. memaksimumkan tahap pengekalan pekerjaan (*job retention*);
- iii. membuat padanan pekerjaan secara komprehensif bagi mengatasi isu *underemployment* (dengan izin); dan
- iv. mengkaji serta merangka mekanisme perlindungan keselamatan sosial bagi pekerjaan sendiri (*self-employed*).

Sehingga 9 Julai 2021, Pasukan Petugas Khas Sumber Manusia dan Keusahawanan telah mencapai KPI sebanyak 98% iaitu 359,677 daripada sasaran 367,500 bagi penempatan pekerjaan dan penciptaan pendapatan.

Kerajaan turut mengumumkan pelbagai program bantuan dan pakej rangsangan yang berupaya membantu mereka mendapatkan pekerjaan. Antaranya adalah melalui pakej bantuan tambahan iaitu:

- i. Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (**PERMAI**);
- ii. Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (**PEMERKASA**);
- iii. Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (**PEMERKASA Tambahan**); dan
- iv. Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (**PEMULIH**).

KSM melalui PERKESO turut memperluaskan **Elaun Mencari Pekerjaan** kepada bukan pencarum PERKESO terutamanya graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal. Elaun sekurang-kurang RM300 akan diterima apabila mereka mendaftar di bawah platform *MyFutureJobs*.

Dengan peruntukan tambahan sebanyak RM300 juta, skop insentif turut diperluaskan oleh PERKESO meliputi **pekerjaan sementara dan**

pekerjaan gig yang memanfaatkan 60 ribu pekerja dan majikan yang menawarkan pekerjaan jangka pendek ataupun platform penyedia perkhidmatan gig yang berdaftar dengan PERKESO.

Selain itu, **sejumlah RM125 juta** turut diperuntukkan untuk melaksanakan inisiatif ***Place and Train*** di bawah **Program Janapreneur** Pembangunan Sumber Manusia Berhad terutama kepada belia lepasan sekolah dan graduan. Inisiatif ini akan membuka peluang kepada 30 ribu orang untuk mengikuti program latihan dengan jaminan pekerjaan setelah tamat latihan.

KSM melalui agensi-agensinya juga berusaha meningkatkan **ketersediaan** dan **kebolehpasaran** bakat melalui pelbagai platform. Antaranya termasuklah program ***UpskillMalaysia*** di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad, **Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET)** di 562 buah Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA),

Program Latihan Industri Berstruktur (*Structured Internship Programme – SIP*) dan program **Nurturing EXpert Talent (MYNext)** oleh Talent Corp.